



MALIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

# Lenসা

Bandar Raya JB

[www.mbjb.gov.my](http://www.mbjb.gov.my) [facebook.com/mbjbrasmi](https://facebook.com/mbjbrasmi) [mbjbrasmi](https://instagram.com/mbjbrasmi)

LENSA MBBB BIL. 3/2022 JULAI-SEPTEMBER 2022



## PELANCARAN WARDEN TRAFIK MBBB



PENERBITAN RASMI MBBB



KUNJUNGAN HORMAT DATUK BANDAR  
JOHOR BAHRU KE KYOTO

MBJB METERAI MOU BERSAMA JPS

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF  
DAN KREATIF

## ISI KANDUNGAN

- 4 - AUDIT PENSIJILAN SEMULA SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001: 2015  
- SIMULASI PENGUNGSIAN BANGUNAN MENARA M8JB  
- BORAK JB DULU-DULU @ KOMTAR JB
- 5 - 'JB CAR FREE DAY' TERIMA SAMBUTAN MERIAH
- 6 - KUNJUNGAN HORMAT DATUK BANDAR KE KYOTO, JEPUN  
- LAWATAN M8JB KE UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA, JPM
- 7 - M8JB METERA! MOU BERSAMA JABATAN PENGAIRAN & SALIRAN JOHOR  
- MESYUARAT JAWATANKUASA PERSATUAN PEGAWAI PENILAIAN PBT
- 8 - INFO LAWATAN
- 9 - INFO KURSUS
- 10 - M8JB TURUT SERTA JELAJAH AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT  
- PELANCARAN JOHOR SELAMAT
- 11 - M8JB RAI SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1444H/ 2022M  
- 'TOWN HALL' PERBADANAN PENGURUSAN PANGSAPURI BUKIT SAUJANA BERSAMA DATUK BANDAR  
- NOTIS JUALAN LELONG SISA
- 12 - KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF M8JB  
- KARNIVAL IRAMA BENTALA DAKSINA
- 13 - PELANCARAN WARDEN TRAFIK M8JB  
- JB NEON MUZIKA MERDEKA 2022
- 14 - SLOT JB BERSIH
- 15 - KILAS LENSA
- 16 & 17 - PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA21
- 18 & 19 - M8JB SANA SINI

## SIDANG PENGARANG 'LENSA BANDAR RAYA JB'

### PENAUNG

Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman  
Datuk Bandar

### PENASIHAT 1

Haji Miswan bin Yunus  
Setiausaha

### PENASIHAT 2

Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad  
Timbalan Setiausaha

### KETUA PENGARANG

Encik Harullisam bin Ismail

### SIDANG PENGARANG

Encik Muhammad Iqbal Arami bin Mohamed Sharif  
Puan Hidayah binti Yusof  
Cik Nurul Shafina binti Shaari  
Cik Nur Quratuaini binti Kamaruzaman

### JURUFOTO

Haji Bahri bin Abdullah  
Encik Romzi bin Yusof

### URUS SETIA

Unit Penerbitan,  
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

Unit Penerbitan,  
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Johor Bahru

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

## DIREKTORI TELEFON M8JB

JABATAN / BAHAGIAN	NO TELEFON
PEJABAT DATUK BANDAR	07-228 2600
PEJABAT SETIAUSAHA	07-228 2626
PEJABAT TIMB. SETIAUSAHA	07-228 2510
JABATAN PENGURUSAN	
BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM	07-219 8055
TALIAN AM	07-219 8000
TALIAN BEBAS TOL	1-300-88-0146
BAHAGIAN UNDANG-UNDANG	07-219 8256
BAHAGIAN AUDIT DALAM	07-219 8268
BAHAGIAN UKUR BAHAN	07-219 8042
BAHAGIAN INTEGRITI	07-219 8117
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)	07-219 8273
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)	07-219 8285
BAHAGIAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)	07-219 8197
JABATAN PELESENAN	
BAHAGIAN PELESENAN (PENTADBIRAN)	07-219 8295
BAHAGIAN PELESENAN (IKLAN)	07-219 8297

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	07-219 8070
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA	07-219 8184
BAHAGIAN PENTADBIRAN	07-219 8170
UNIT DASAR, INOVASI & LATIHAN	07-219 8159
UNIT HAL EHWAL ISLAM	07-219 8210
UNIT MESYUARAT	07-219 8322
JABATAN KEWANGAN	
BAHAGIAN HASIL	07-219 8028
BAHAGIAN PERBELANJAAN	07-219 8091
JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA	
PEJABAT PENGARAH & PENSWASTAAN	07-219 8225
BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA	07-219 8219
UNIT TUNGGAKAN CUKAI HARTA	07-219 8233
UNIT TEKNIKAL/UNIT PENILAI	07-219 8232
JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN	
JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN	07-219 8241
BAHAGIAN KAWALAN PERANCANGAN	07-219 8217
BAHAGIAN RANCANGAN PEMAJUAN & PENGANTARABANGSAAN	07-219 8245

JABATAN KAWALAN BANGUNAN	
BAHAGIAN KAWALAN BANGUNAN	07-219 8119
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN BANGUNAN	07-219 8206
BAHAGIAN PROJEK BANGUNAN	07-219 8145
JABATAN KERJA AWAM	
BAHAGIAN KERJA AWAM	07-219 8101
BAHAGIAN SALIRAN	07-219 8125
BAHAGIAN JALAN	07-219 8135
JABATAN-JABATAN LAIN	
JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR	07-227 7235
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	07-219 8039
JABATAN KESIHATAN	07-228 2564
JABATAN PENGUATKUASAAN	07-227 1041


Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima pengiktirafan Merit Awards bagi kategori 'Energy Efficiency Designed Building' anjuran National Energy Awards (NEA) dengan Kerjasama Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)

Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima pengiktirafan Merit Awards bagi kategori 'Energy Efficiency Designed Building' anjuran National Energy Awards (NEA) dengan Kerjasama Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

Anugerah ini bertujuan mengiktiraf organisasi yang mengamalkan penjimatan tenaga, kecekapan tenaga dan teknologi tenaga yang boleh diperbaharui selain menerapkan elemen 'Low Carbon Society' setiap program dan perancangan pembangunan.

Penerimaan anugerah ini akan dijadikan pemangkin dan pendorong untuk MBJB menjayakan lebih banyak inisiatif-inisiatif hijau terutamanya yang terkandung dalam Pelan Tindakan Masyarakat Rendah Karbon MBJB 2025.

#jbmampam  
#bthinkgreen



# TAHNIAH CONGRATULATIONS

JOHOR DARUL TA'ZIM FOOTBALL CLUB  
PIALA FA MALAYSIA 2022



"Ikhlas daripada Datuk Bandar, Ahli-Ahli Majlis dan warga kerja MBJB"

## DATUK BANDAR JOHOR BAHRU SERTA SLOT 'BORAK JB DULU-DULU' DI KOMTAR JOHOR BAHRU

Pada 24 Julai 2022, Datuk Bandar Johor Bahru telah berkesempatan bersama-sama rakan panel, Encik Jumari Ibrahim dan Encik Hiroi Koichi serta Encik Johan Ropi sebagai moderator dalam slot 'Borak JB Dulu-Dulu' anjuran pihak Damansara Assets Sdn. Bhd. dan JOHO di KOMTAR (JBCC), pusat bandar Johor Bahru. Slot ini merupakan sesi sembang santai mengenai perkongsian pengalaman, suasana Johor Bahru 'dulu-dulu' dan aspirasi warga bandar raya untuk memeriahkan lagi bandar raya Johor Bahru ini sebagai sebuah bandar yang mempunyai 'jiwa' dinamik.

Pelbagai kisah telah diceritakan bersama termasuklah kisah silam dan kenangan manis yang menjadi kekuatan untuk masyarakat bergerak maju dalam membangunkan Johor Bahru kini khususnya golongan anak-anak muda yang bakal memainkan peranan mereka dalam mencoretkan kisah Johor Bahru.

Semua pihak terutamanya warga bandar raya, pihak swasta dan Majlis Bandaraya Johor Bahru sendiri memainkan peranan yang penting untuk mengembalikan nostalgia dan kegemilangan bandar Johor Bahru yang pernah dilalui dahulu. Kerjasama, keterlibatan serta input daripada semua pihak amat dialu-alukan.



## SIMULASI PENGUNGSIAN BANGUNAN MENARA MBBB BERSAMA JABATAN BOMBA & PENYELAMAT MALAYSIA

Pada 7 Julai 2022, telah diadakan simulasi pengungsian bangunan Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bersama empat anggota dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebagai persediaan menghadapi situasi sebenar insiden kecemasan yang boleh berlaku tanpa dijangka. Semua warga kerja MBBB telah memberikan kerjasama sepenuhnya dalam menayakan simulasi ini sebaik bermula deringan kecemasan pada jam 2.48 petang dan tamat pada 2.55 petang. Rentetan daripada simulasi pengungsian bangunan tersebut, pihak Bomba telah mencadangkan supaya MBBB melantik Pasukan Bertindak Kecemasan (Emergency Response Team) dari segi penggunaan pemadam kebakaran dan penyelamat serta perubatan/ 'first aider' dan diberikan latihan yang bersesuaian supaya dapat melaksanakan fungsi dengan berkesan jika berlaku sesuatu kecemasan.



## AUDIT PENSIJILAN SEMULA SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001: 2015

Pada 5 dan 6 Julai 2022, pasukan audit dari SIRIM QAS International telah melaksanakan Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015 ke atas Majlis Bandaraya Johor Bahru. Seramai empat orang panel penilai atau juruaudit dari pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. terlibat dalam penilaian tersebut iaitu Encik Syed Faddy bin Syed Bahrudin selaku Ketua Audit, Encik Zulkifli bin Abdullah, Puan Nur Asma binti Abd Wahab dan Encik Ts. Mohd Faizul bin Yusof. Susulan penilaian tersebut, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah diberi pengiktirafan Pensijilan MS ISO 9001:2015 untuk tempoh tiga tahun oleh pihak SIRIM QAS International. Tahniah diucapkan!





# PROGRAM 'JB CAR FREE DAY' TERIMA SAMBUTAN MERIAH

think GREEN



Sekitar program 'JB Car Free Day' anjuran Majlis Bandaraya Johor Bahru yang telah diadakan di pusat bandar Johor Bahru. Terima kasih kepada semua rakan strategik dan warga bandar raya yang hadir serta memberikan kerjasama yang baik sepanjang berlangsungnya program. 'JB Car Free Day' kini kembali dengan pelbagai aktiviti sesuai untuk seisi keluarga. Selain aktiviti berbasikal dan larian santai, warga bandar raya kini boleh menyertai aktiviti liga kampung, memarah, 'plogging' dan cabutan bertuah dengan pelbagai hadiah menarik untuk dimenangi. Bermula Julai 2022, MBBJ memperkenalkan penggunaan 'Pasport JB Car Free Day' yang boleh didapati secara percuma di khemah urus setia untuk melayakkan peserta menyertai Cabutan Bertuah Mega 'Car Free Day' pada bulan Disember 2022 seterusnya memenangi hadiah utama sebuah motosikal dan 'road bike'.



'JB Car Free Day' pada 16 Julai 2022 di hadapan pejabat MBBJ Jalan Dato' Onn, Johor Bahru.



'JB Car Free Day' pada 20 Ogos 2022 di hadapan pejabat MBBJ Jalan Dato' Onn, Johor Bahru.



'JB Car Free Day' pada 10 September 2022 di Mid Valley Southkey, Johor Bahru.



# SESI KUNJUNGAN HORMAT DATUK BANDAR JOHOR BAHRU BERTEMU DATUK BANDAR KYOTO, JEPUN

Pada 20 Julai 2022, YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, bersama-sama delegasi dari Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Iskandar Regional Development Authority (IRDA) telah mengadakan kunjungan hormat dan sesi mesyuarat bersama Mr. Norikazu Okada, Deputy Mayor of Kyoto City, di Seicho-no-ma Ceremony Hall, Kyoto City Hall Japan. Mr. Norikazu Okada merupakan wakil rasmi Datuk Bandar Kyoto iaitu Mr. Kadokawa Daisaku.

Sesi kunjungan hormat dan mesyuarat ini adalah dalam rangka lawatan kerja Datuk Bandar Johor Bahru dan delegasi MBJB ke Kyoto City bagi penandaarasan pembentukan sebuah bandar pintar, lestari dan rendah karbon dengan kerjasama Kyoto City Hall, Japan International Cooperation Agency (JICA), Kyoto Environmental Activities Association (KEAA) dan Pihak Berkuasa Wilayah Iskandar (IRDA).

Selain itu, delegasi MBJB yang diwakili beberapa pegawai turut dijemput oleh pihak KEAA ke Kyoto untuk menyertai sesi kursus pembelajaran dan perkongsian dalam membangunkan sebuah Pusat Ekologi.

MBJB juga telah memeterai sebuah Memorandum Persefahaman bersama Kyoto City Hall, JICA, KEAA dan IRDA pada tahun 2021 bagi tujuan pembangunan sebuah Hab Masyarakat Rendah Karbon di Johor Bahru bagi tujuan jaringan dan pembangunan kapasiti dan sebagai model untuk negara ASEAN. Melalui kerjasama ini, sebuah Pusat Ekologi akan dibangunkan di bandar raya Johor Bahru bagi tujuan pendidikan, konservasi, serta melatih masyarakat dalam aspek persekitaran dan rendah karbon yang akan menjadi pusat rujukan di negeri Johor. Pusat Ekologi turut ini akan dijadikan 'platform' untuk memperkenalkan 'the Kyoto-Model' dalam aspek rendah karbon dan kelestarian alam sekitar kepada bandar-bandar lain dalam Malaysia serta wilayah ASEAN. Pihak JICA juga telah komited untuk memperuntukkan sebanyak RM 2 juta bagi pengisian Pusat Ekologi ini termasuk latihan dan perkongsian kepakaran.



# LAWATAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU KE UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA, JABATAN PERDANA MENTERI

Delegasi Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan lawatan ke Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS JPM) pada 21 Julai 2022. Lawatan ini diadakan bertujuan melengkapkan penandaarasan dan perkongsian amalan terbaik mengenai 'Garis Panduan Kerjasama Awam Swasta' (PPP) secara menyeluruh yang boleh diamalkan di MBJB, mempelajari pengurusan projek Kerjasama Awam Swasta (PPP) UKAS JPM secara keseluruhan selain melihat projek PPP yang diuruskan oleh UKAS JPM di tapak.

Delegasi MBJB telah diketuai oleh Tuan Haji Miswan bin Yunus, Setiausaha MBJB, Puan Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBJB, Encik Mohd Syazwan bin Abdul Rauf, Penolong Pengarah Unit Kerjasama Awam dan Swasta MBJB, bersama ketua-ketua jabatan dan pegawai MBJB.

Taklimat telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. Khairus Masnan bin Abdul Khalid, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri dan disertai oleh Puan Alita binti Abu, Pengarah Seksyen Dasar dan Hubungan Antarabangsa, UKAS JPM, Encik Shamsuddin bin Abdullah, Ketua Penolong Pengarah (Kanan) Seksyen Dasar dan Hubungan Antarabangsa bersama pegawai-pegawai kanan UKAS JPM.



## MBJB METERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN BERSAMA JABATAN PENGAIRAN & SALIRAN NEGERI JOHOR BAGI KERJA-KERJA PELENGKAP MENCEGAH BANJIR

Pada 28 Julai 2022, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MOU) bersama Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor (JPSNJ) dalam pelaksanaan kerja-kerja pelengkap untuk mencegah banjir di kawasan MBJB.

Melalui memorandum persefahaman ini, MBJB akan melaksanakan kerja-kerja pelengkap bagi pencegahan banjir seperti kerja-kerja pembersihan kiambang di parit pinjam; pembersihan sampah sarap dan penggalian di parit pinjam, sungai, Selat Johor dan kolam tadahan; kerja-kerja pembaikan tebing; kerja-kerja penggantian dan pembaikan pagar keselamatan dan lain-lain lagi mengikut keperluan dan keadaan semasa. Pelaksanaan kerja-kerja tersebut adalah di bawah seliaan JPSNJ yang terletak dalam kawasan pentadbiran MBJB.

Memorandum Persefahaman ini telah ditandatangani oleh Puan Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBJB, bersama-sama Encik Maznizam bin Mohd Sapuan, Penasihat Undang-Undang MBJB, Ir. Hajah Nor Azmah binti Ahmad, Timbalan Pengarah JPS Negeri Johor dan Ts. Ir. Abdul Razak bin Abdul Aziz, Jurutera Daerah Johor Bahru sambil disaksikan oleh YB Dato' Haji Mohd Norazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, dan YBhg. Datuk Haji Mohamad bin Dolmat, Ketua Whip Ahli Majlis sejeurus selepas Mesyuarat Penuh MBJB Bil. 7/2022 di Dewan Inai Merah, Menara MBJB, Bukit Senyum.



## MESYUARAT JAWATANKUASA PERSATUAN PEGAWAI-PEGAWAI PENILAIAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN MALAYSIA KE MBJB

Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Pegawai-Pegawai Penilaian PBT Malaysia (PEPAM) kali ke- 03/2021-2023 telah diadakan pada 29 dan 30 Julai 2022. Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menjadi tuan rumah bagi penganjuran mesyuarat pada kali ini.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Sr. Haji Kamarulzaman bin Mat Salleh, Pengerusi Persatuan Pegawai-Pegawai Penilaian Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (PEPAM), merangkap Pengarah Eksekutif (Pengurusan) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang disambut oleh Tuan Haji Azmi bin Haji Miswan, Pengarah Jabatan Penilaian MBJB.

Seramai 26 Ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada wakil Pegawai-Pegawai Penilaian seluruh PBT Malaysia hadir menjayakan mesyuarat ini.

Terlebih dahulu pada 29 Julai 2022, semua Ahli Jawatankuasa telah dibawa ke sesi Lawatan Teknikal ke Majlis Perbandaran Pengerang (MPP) bagi mendengar taklimat berkaitan Kaedah Penilaian bagi Pengerang 'Integrated Petroleum Complex' (PIPC) oleh Ketua Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPP. Seterusnya delegasi telah dibawa melawat ke PIPC dan diberikan taklimat berkaitan projek pembangunan di PIPC.

Pada malamnya, Ahli Jawatankuasa telah diraikan dalam Majlis Jamuan Makan Malam di Dewan Kenanga Menara MBJB. Peserta Mesyuarat telah disambut oleh Puan Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBJB merangkap wakil rasmi Datuk Bandar Johor Bahru.

MBJB mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Majlis Perbandaran Pengerang dan pihak PIPC serta Jawatankuasa Pegawai-Pegawai Penilaian Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia atas perkongsian maklumat dan komitmen semua pihak.



### LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN



Tarikh: 13 Julai 2022

Info: Perkongsian pengalaman dan amalan terbaik dalam aspek pengurusan pasar dan pasar malam, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, sistem kutipan cukai dan tunggakan cukai serta inisiatif dan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan. Delegasi turut dibawa melawat Pasar Setia Indah, Tapak Pelupusan Sanitari Seelong, Pasar Malam Taman Daya dan Bazar JB.

### LAWATAN DARI UNIT INTEGRITI & GOVERNANS (IGU), PIHAK BERKUASA WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR (IRDA)



Tarikh: 27 Julai 2022

Info: Berkongsi idea dan keberhasilan dalam aspek integriti dan governans antara dua organisasi, selain membincangkan prospek kerjasama antara IGU IRDA dan Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran MBBJ terutama dalam program integriti.

### LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI JABATAN KEJURUTERAAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSB)



Tarikh: 31 Julai 2022

Info: Perkongsian pengalaman dalam aspek pemasangan perangkat sampah dari jenis Gross Pollutant Trap (GPT) dalam kawasan MBBJ. Delegasi turut dibawa melihat tapak GPT di Jalan Cendana, Kg. Dato' Sulaiman Menteri (Sungai Tampoi) dan Jalan Abdul Samad (Parit Utama Abdul Samad).

### LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL)



Tarikh: 3 Ogos 2022

Info: Perkongsian maklumat berkaitan projek landskap terkini dalam kawasan MBBJ serta pertukaran idea dan pendapat berhubung isu-isu landskap.

## INFO LAWATAN

### LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI MAJLIS BANDARAYA MIRI



Tarikh: 3 Ogos 2022

Info: Berkongsi pengalaman dan maklumat berkaitan pengurusan kenderaan terbiar khususnya kenderaan dari luar Malaysia serta pengurusan Depo Penyimpanan Kenderaan Terbiar yang dilaksanakan di Majlis Bandaraya Johor Bahru.

### LAWATAN DARIPADA DELEGASI JEPUN



Tarikh: 11 Ogos 2022

Info: Kunjungan hormat dari Dr. Junicho Fujino (Programme Director, Integrated Sustainability Centre Institute for Global Environmental Strategies, Japan) dan Prof. Dr. TPr. Ho Chin Siong (Director of UTM-Low Carbon Asia Centre/ RCE Iskandar) kepada Datuk Bandar Johor Bahru. Dalam pertemuan tersebut, ketiga-tiga pihak telah mengadakan perbincangan mengenai kerjasama dalam program 'green building' serta menyediakan asas-asas untuk sasaran ke arah 'Johor Bahru Sifar Karbon' pada masa hadapan.

### LAWATAN KERJA DARI UNIT SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS) MAJLIS PERBANDARAN KULAJ



Tarikh: 14 September 2022

Info: Perkongsian maklumat dan pengalaman berkaitan pembangunan dan pengurusan laman web GeoJB.

### LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANGGON



Tarikh: 22 September 2022

Info: Perkongsian maklumat dan pengalaman berkaitan perancangan pembangunan di Johor Bahru.



**KURSUS PENYELENGGARAAN LANDSKAP & ARBORIKULTUR**  
Tarikh: 5 – 7 Julai 2022



**KURSUS KOMUNIKASI SECARA BERKESAN**  
Tarikh: 19 Julai 2022



**KURSUS IMEJ & PERSONALITI DIRI**  
Tarikh: 27 Julai 2022



**KURSUS KONVENSYEN INOVATIF & KREATIF**  
Tarikh: 9 Ogos 2022

**INFO KURSUS**



**KURSUS STRATEGI & PENGURUSAN TEKANAN DI TEMPAT KERJA**  
Tarikh: 9 Ogos 2022



**KURSUS ASAS TRAFIK WARDEN MAJLIS**  
Tarikh: 15 – 17 Ogos 2021



**KURSUS BUDAYA KERJA CEMERLANG**  
Tarikh: 23 Ogos 2022



**KURSUS PENGURUSAN & KESELAMATAN DOKUMEN**  
Tarikh: 24 Ogos 2022



**KURSUS KEMAHIRAN 'ADOBE PHOTOSHOP'**  
Tarikh: 6 September 2022



**KURSUS PENULISAN KERTAS PENDAKWAAN DAN SIASATAN**  
Tarikh: 26 September 2022



## MBJB TURUT SERTA DALAM JELAJAH AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT (ANMS)

Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) Peringkat Negeri Johor telah berlangsung pada 12 hingga 13 Ogos 2022. Jelajah ANMS telah dihadiri oleh YAB Datuk Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor dan YB Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan Malaysia. Turut hadir YB Dato' Haji Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru yang menyokong penganjuran program ini. Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) turut mengadakan pameran ringkas berkenaan program 'low carbon society' yang dilaksanakan di MBJB seperti pelaksanaan kejaran hijau, kebun komuniti, pengkomposan sisa dan sebagainya. Jelajah ANMS selama dua hari ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga Johor Bahru, selain pelbagai aktiviti diadakan untuk disertai mengikut zon aktiviti seperti Zon Saring, Zon Aktif, Zon Interaktif, Zon Kreatif, Zon Istimewa, Zon Hijau, DJ Corner@Johor FM, 'Pocket Talk', 'Pasor' Sihat dan Sambutan Bulan Pemakanan Sihat Peringkat Negeri Johor.



## Pelancaran 'JOHOR SELAMAT' BAGI MANTAPKAN ASPEK KESELAMATAN NEGERI

Majlis Pelancaran 'Johor Selamat' telah diadakan pada 12 Ogos 2022 bertempat di Padang Angsana Johor Bahru Mall, Johor Bahru bagi mengukuhkan agenda kawalan keselamatan dan keamanan khususnya di negeri Johor. Pihak Polis Diraja Malaysia juga bekerjasama dengan pihak Angkatan Tentera Malaysia, agensi-agensi beruniform dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk meningkatkan keselamatan dalam negeri.

Selain agensi keselamatan, empat pihak berkuasa tempatan (PBT) turut berperanan besar dalam membantu menjaga keselamatan awam untuk 'Greater Johor Bahru', iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan Majlis Perbandaran Kulai.

Di bawah 'Smart City Initiative' (Inisiatif Bandar Pintar), setiap kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang di dalam kawasan 'Greater Johor Bahru' sedang dan akan disambung ke sebuah 'Command Center' yang akan memantau seluruh bandar Johor Bahru termasuk di kawasan-kawasan tumpuan (hotspots).

'Command Center' ini pula akan disambung ke talian pihak polis dalam usaha mengurangkan lagi kes jenayah, serta menggunakan teknologi 'Kecerdasan Buatan' (AI) untuk melakukan proses pengecaman wajah (face recognition) serta kenderaan (car recognition) bagi memudahkan kerja siasatan aduan.

Tahap keselamatan yang terkawal akan mewujudkan persekitaran yang kondusif kepada para pelabur, manakala pelancong pula dapat berlibur dengan selamat. Hal ini akan membantu dalam peningkatan kewangan negeri untuk jangka masa panjang bagi manfaat bersama seluruh bangsa Johor.





# PROGRAM PEMBUDAYAAN AL-QURAN & SAMBUTAN MAAL HIJRAH TAHUN 1444H/2022M

PERINGKAT MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

**"KELUARGA JOHOR, PEMANGKIN PEMBANGUNAN NEGERI"**

18 OGOS 2022M (KHAMIS) / 20 MUHARAM 1444H  
8.00-10.00 PAGI  
DEWAN KENANGA, ARAS 2, MENARA MBBJ



**AL-FADHIL USTAZ MOHD SYAFIEE  
BIN ABD RAHMAN**  
TIMBALAN PENGURUS WAQAF AN-NUR  
(CORPORATION BERHAD)



**AL-FADHIL USTAZ HANAFI  
BIN ABD RAHMAN**  
PENYELANG PENGARAH SEKTOR PENDIDIKAN  
ISLAM, JPN JOHOR



**AL-FADHIL USTAZ HAJI MOHD  
HAMBALI BIN ABD RAHMAN**  
IMAM SURAU TAQWA, PELABUHAN  
TANJUNG PELEPAS

**"NASIHAT 3 BERSAUDARA"**

## MBJB RAI SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1444H/2022M

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan sambutan Maal Hijrah 1444H pada 18 Ogos 2022 bertempat di Dewan Kenanga, Menara MBBJ, Johor Bahru. Sambutan tahun baharu hijrah ini bertemakan "Keluarga Johor, Pemangkin Pembangunan Negeri" dan dimulakan dengan program pembudayaan al-Quran disusuli dengan ceramah Maal Hijrah oleh tiga orang barisan panel 'nasihat 3 beradik' iaitu Al-Fadhil Ustaz Hanafi bin Abd Rahman (Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam, JPN Johor), Al-Fadhil Ustaz Mohd Syafiee Abd Rahman (Timbalan Pengurus Waqaf An-Nur Corporation Berhad) dan Al-Fadhil Ustaz Haji Mohd Hambali Bin Abd Rahman (Imam Surau At-Taqwa, Pelabuhan Tanjung Pelepas).

*Sesi Town Hall*

## PERBADANAN PENGURUSAN PANGSAPURI BUKIT SAUJANA BERSAMA DATUK BANDAR JOHOR BAHRU

Pada 28 Ogos 2022, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan sebuah sesi 'Town hall' antara Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Bukit Saujana bersama YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru di Auditorium JOTIC, Johor Bahru. Sesi 'town hall' ini diadakan oleh MBBJ bersama Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor dan Unit Pengurusan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) bagi menyelaraskan aduan-aduan dan permasalahan yang diajukan oleh penduduk yang menginap di Pangsapuri Bukit Saujana, untuk diambil tindakan penyelesaian. Penyelarasan seterusnya bersama pihak Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Bukit Saujana akan diketuai oleh pihak SSI, dibantu oleh pihak Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri Johor dan MBBJ.



## NOTIS JUALAN LELONG SISA

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan 'Jualan Lelong Sisa' kenderaan buruk sitaan penguatkuasaan yang tidak dituntut di bawah kesalahan undang-undang MBBJ sebagaimana notis yang tertera. Sesi lelongan ini telah diadakan pada 25 September 2022 bermula jam 9.30 pagi, bertempat di Panggung Cempaka, Menara MBBJ Bukit Senyum. Setiap pembidaan/tawaran pembelian adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh MBBJ.





## KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) PERINGKAT MBBJ

Pada 22 Ogos 2022, sebanyak sembilan (9) kumpulan telah menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) dalam dua (2) kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Inovasi Penciptaan dan Kategori Inovasi Penambahbaikan. Kategori Penciptaan telah dimenangi oleh Kumpulan 'QS' (Jabatan Perbendaharaan) dan Kumpulan 'Enforcer' (Jabatan Penguatkuasaan).

Juara Keseluruhan KIK pula dimenangi oleh Kumpulan PRIMA (Jabatan Penilaian), diikuti oleh Kumpulan 'The Green Fingers' (Jabatan Landskap) dan Kumpulan 'Engine At Work' (Jabatan Kerja Awam); manakala bagi Kategori Penambahbaikan dimenangi oleh Kumpulan AC (Jabatan Pengangkutan Bandar). Menurut YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru telah menekankan kepentingan inovasi dan penambahbaikan perkhidmatan dalam sesebuah organisasi agar kekal relevan sepanjang masa. Beliau turut menggalakkan lebih ramai warga kerja menyertai program KIK ini agar budaya inovasi terus subur dalam organisasi. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua peserta Konvensyen KIK Peringkat MBBJ Tahun 2022!

## KARNIVAL IRAMA BENTALA DAKSINA

Sebagai usaha meniupkan semangat cintakan negara dan bahasa kebangsaan, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan serta Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah menganjurkan Karnival Irama Bentala Daksina bermula 26 hingga 28 Ogos 2022 di Angsana Johor Bahru Mall bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia ke-65.

Pelbagai pengisian aktiviti diadakan sepanjang tiga hari penganjuran karnival ini seperti Pertandingan Melukis Poster: Saya Anak Malaysia, Pertandingan Seni Khat Kreatif, Pertandingan Pidato Negara Bangsa, Pertandingan Cerita Boneka Penglipur Lara, Pertandingan Didik Hibur Kad ASK, Diskusi Ilmu: Estetika Bahasa dalam Seni Khat dan Pertandingan Bicara Berirama. Terdapat juga galeri pameran seni khat, galeri seni kraf tangan dan aktiviti jualan buku dan majalah.

Karnival Irama Bentala Daksina dianjurkan bertujuan membina rasa bangga terhadap bahasa kebangsaan yang mencerminkan akal budi dan pemikiran rakyat, meningkatkan jati diri bangsa di samping berperanan sebagai pemangkin kepada rasa cinta akan tanah air yang dikongsi bersama oleh semua bangsa dalam satu semangat 'Keluarga Malaysia'.



# DATUK BANDAR JOHOR BAHRU LANCARKAN WARDEN TRAFIK MBBJ

Bagi memperkasa keselamatan warga bandar raya Johor Bahru serta kelancaran trafik di bandar raya ini, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah melantik seramai 145 orang pegawai dan anggota sebagai 'Warden Lalu Lintas' bagi menjalankan kuasa yang diberikan oleh Subseksyen 3(4B) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Majlis Pelancaran Warden Trafik MBBJ telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru sejurus selesai Mesyuarat Penuh MBBJ Bil. 8/2022 di Menara MBBJ pada 29 Ogos 2022. Seiring pembangunan dan kemajuan infrastruktur, terdapat peningkatan ketara jumlah kenderaan di atas jalan raya khususnya di Johor Bahru ini yang merupakan pintu gerbang selatan negara. Oleh yang demikian, perancangan dengan lebih terperinci dan teliti bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya dan kelancaran trafik adalah diperlukan daripada pihak MBBJ.

Untuk makluman warga bandar raya, antara aspek dan elemen yang dititikberatkan kepada Warden Trafik semasa menjalankan tugas ialah penggunaan teknologi secara menyeluruh iaitu 'Smart Traffic Warden'. Warden Trafik MBBJ juga telah dibekalkan kamera badan bagi merekod kesalahan pengguna jalan raya selain menjadi bukti sekiranya terdapat provokasi dan ancaman keselamatan.

Selain itu, peranti 'handheld' bagi pengeluaran kompaun telah pun diintegrasikan dengan sistem Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi mengesahkan maklumat berkaitan pemilik kenderaan di lapangan selain dilengkapi dengan 'GPS tracker' bagi memperkasa tugas anggota Warden Trafik MBBJ.

Tambahan lagi, kewujudan Warden Trafik MBBJ juga adalah bagi membantu tugas polis trafik dalam menjalankan penguatkuasaan lalu lintas dengan beberapa seksyen perundangan yang diperturunkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.



## JB NEON MUZIKA MERDEKA 2022

Pada 30 Ogos 2022, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menganjurkan program JB Neon Muzika Merdeka 2022 bagi menzahirkan semangat sambutan Hari Kebangsaan Malaysia ke-65 di Dataran Bandaraya Johor Bahru.

Pelbagai acara dan aktiviti telah diadakan seperti larian santai, berbasikal, senaman kecergasan, permainan 'Wheel of Fortune', persembahan pentomen daripada pihak Polis Diraja Malaysia, persembahan ukelele kanak-kanak dan sebagainya bermula jam 8.30 malam.

Orang ramai juga berpeluang turut serta dalam acara 'count down' ambang kemerdekaan 31 Ogos sambil menyaksikan persembahan artis jemputan. Sebanyak 1,000 cenderamata menarik disediakan bagi peserta berdaftar dan terawal hadir ke program tersebut, di samping peluang memenangi cabutan bertuah.



# MBJB JAYAKAN PROGRAM GOTONG-ROYONG SEMPENA KEMPEN JOHOR BERSIH



Bersempena kempen Johor Bersih, Majlis Bandaraya Johor Bersih (MBJB) dengan kerjasama agensi kerajaan dan swasta telah menganjurkan Program Gotong-Royong atau 'Litter Picking' di beberapa lokasi sekitar Johor Bahru bermula pada 27 Julai 2022, jam 8.00 pagi. Program ini turut dijayakan dengan kerjasama pihak SWM Environment, SWCorp, PDRM, Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru, Indah Water Konsortium Sdn Bhd, IRDA, GIATMARA, YPJ Holdings, SP Setia, Permodalan Nasional Berhad, Crescendo Corporation, Coronade Properties, Berinda Properties, Persatuan Peniaga HERO Market, Persatuan Foodtruck Desa Tebrau, COMBI, Tune Hotel dan persatuan penduduk.

MBJB menyeru warga bandar raya untuk melaksanakan tanggungjawab bagi memastikan Kempen Johor Bersih ini menjadi realiti. Untuk maklumat lanjut, hubungi Jabatan Kesihatan MBJB di talian 07-2282628. Johor Bersih, Rakyat Sejahtera.



**'LITTER PICKING' DI TEBING @ BANDAR DATO' ONN**  
Tarikh: 27 JULAI 2022



**'LITTER PICKING' DI TAMAN SETIA INDAH**  
Tarikh: 27 JULAI 2022



**'LITTER PICKING' DI JALAN GERTAK MERAH**  
Tarikh: 30 JULAI 2022



**'LITTER PICKING' DI TAMAN MERDEKA**  
Tarikh: 6 OGOS 2022



**'LITTER PICKING' DI HADAPAN BANGUNAN RNF**  
Tarikh: 10 OGOS 2022



**'LITTER PICKING' DI ZON DATO' ONN**  
Tarikh: 10 OGOS 2022



**'LITTER PICKING' DI ZON KG. MELAYU**  
Tarikh: 24 OGOS 2022



**'LITTER PICKING' DI ZON TAMAN ABAD**  
Tarikh: 24 OGOS 2022



**'LITTER PICKING' DI PANTAI STULANG LAUT**  
Tarikh: 7 SEPTEMBER 2022



**'LITTER PICKING' DI PUSAT BANDAR JOHOR BAHRU**  
Tarikh: 7 SEPTEMBER 2022



## LAWATAN DATUK BANDAR JOHOR BAHRU & MENTERI BESAR JOHOR KE PUSAT BENCANA, DEWAN SERBAGUNA JOHOR JAYA

YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor berkesempatan ke Pusat Pemindahan Sementara di Dewan Serbaguna Taman Johor Jaya. Susulan kejadian ribut petir pada 12 Ogos lalu, kira-kira 22 keluarga (80 orang) dari rumah Flat Taman Johor Jaya dan Kampung Melayu Pandan telah dipindahkan ke pusat pemindahan sementara tersebut. Turut hadir ialah YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Datuk Bandar Johor Bahru, Pegawai Daerah Johor Bahru, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia serta wakil agensi kerajaan negeri dan persekutuan.



## TAYANGAN LANGSUNG 'FINAL' BOLA SEPAK PIALA FA DI DATARAN BANDARAYA JOHOR BAHRU

Ceria! Para penyokong Johor Darul Ta'zim (JDT) yang turut memberi sokongan dan menyaksikan perlawanan akhir Piala FA 2022 di Dataran Bandaraya Johor Bahru. JDT merangkul Piala FA 2022 menentang Terengganu FC, dengan jaringan gol 3-1. Susulan kemenangan tersebut, kerajaan negeri Johor berbesar hati mengumumkan cuti peristiwa iaitu pada hari Ahad, 11 September 2022 sebagai cuti peristiwa untuk negeri Johor sebagai tanda penghargaan atas sokongan padu yang sentiasa diberikan untuk penyokong pasukan bola sepak unggul ini.



## PENILAIAN ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS & ANTIRASUAH (AIGA 2022)

Pada 12 September 2022, telah diadakan sesi Penilaian Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2022 oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) di Menara MBBJ. AIGA merupakan suatu bentuk pengiktirafan dan penghargaan kepada sektor awam dan swasta bagi menzahirkan komitmen dalam membudayakan dan mengamalkan integriti, tadbir urus terbaik serta inisiatif antirasuah yang dijalankan dalam organisasi masing-masing.



## PROGRAM SEMPENA HARI MALAYSIA DI TMIYC JOHOR BAHRU

Warga bandar raya Johor Bahru tidak ketinggalan menyemarakkan sambutan Hari Malaysia di Tunku Mahkota Ismail Youth Centre (TMIYC) Johor Bahru pada 16 September 2022 bermula jam 8.00 pagi. Pelbagai aktiviti diadakan seperti program 'Fun Walk Healthy Lifestyle: Hutan Bandar-TMIYC', 'zumba', 'boxing', 'aerobicstone', sukan rakyat, sayembara puisi 'Semarak Johor', pertandingan mini mural & 'doodle', aktiviti sukan ekstrem, 'skateboarding', 'wall climbing', 'calisthenics' dan banyak lagi anjuran bersama MBBJ, Kementerian Belia dan Sukan, Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan, Persatuan Penulis Johor dan YADIM Negeri Johor.

## KERJASAMA PENYELIDIKAN 'GOVERNANCE' INTEGRITI & ANTIRASUAH

TARIKH: 28 SEPTEMBER 2022  
(RABU)  
AS 11:00

## PENGERUSI ANULAE CAWANGAN MBBJ MERANGKAP PENERUSI CUEPACS JOHOR TERIMA ANUGERAH PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA CONTOH 2022

Pada 21 September 2022, Tuan Haji Raja Idris bin Raja Ali, Pengerusi ANULAE Cawangan MBBJ merangkap Pengerusi CUEPACS Negeri Johor telah menerima Anugerah Pemimpin Kesatuan Sekerja Contoh 2022 Sektor Berkanun (Pihak Berkuasa Tempatan). Anugerah tersebut telah disampaikan oleh YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia, dalam Majlis Perhimpunan Keluarga Kesatuan Sekerja Se-Malaysia. Tahniah dan syabas diucapkan.

Pada 28 September 2022, Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran MBBJ telah menerima kunjungan daripada Dr. Rahmawati binti Mohd Yusoff Pensyarah Kanan, Jabatan Undang-Undang, Universiti Teknologi (UiTM) Cawangan Johor bagi pelaksanaan kerjasama penyelidikan 'governance' integriti dan antirasuah nasional GIACC dengan UiTM. Sesi kaji selidik ini bertujuan mendapatkan responden dalam kalangan warga kerja dalam bidang berkaitan integriti, governans dan antirasuah dalam organisasi. Sesi ini turut melibatkan seramai 50 orang warga MBBJ bagi menjawab soalan kaji selidik yang disediakan oleh pihak UiTM.

Kilas  
LENSA



02

**PELANCARAN PROGRAM AULA PERDANA DAN BULAN BAHASA ZON PELANGI INDAH DI SMK TAMAN DESA TEBRAU**  
TARIKH: 25 JULAI 2022



01

**'SEARCH AND DESTROY' ZON DESA HARMONI DI JALAN HARMONI**  
TARIKH: 28 OGOS 2022



03

**LARIAN MERDEKA ZON BAKAR BATU DI DEWAN MUFAKAT BAKAR BATU**  
TARIKH: 27 OGOS 2022

# Program ZON AHLI



04

**PESTA TANGLUNG ZON JOHOR JAYA DI JALAN DEDAP, JOHOR JAYA**  
TARIKH: 27 OGOS 2022



05

**PROGRAM KIBAR JALUR GEMILANG ZON MOUNT AUSTIN DI KG. BARU PANDAN**  
TARIKH: 28 OGOS 2022



06

**'SEARCH AND DESTROY' ZON DESA HARMONI DI JALAN HARMONI**  
TARIKH: 28 OGOS 2022



12

'SEARCH AND DESTROY' ZON TAMAN  
DAYA DI JALAN NIBONG 13  
TARIKH: 23 SEPTEMBER 2022



11

SAMBUTAN HARI MALAYSIA ZON  
DATO ONN DI TAMAN SETIA TROPIKA  
TARIKH: 17 SEPTEMBER 2022

# MAJLIS & LAZ



10

PROGRAM KELUARGA MALAYSIA ZON  
KEMPAS DI BALAI RAYA TAMAN BUKIT KEMPAS  
TARIKH: 11 SEPTEMBER 2022



09

PESTA TANGLUNG ZON MOUNT AUSTIN  
DI KAMPUNG BARU PANDAN  
TARIKH: 11 SEPTEMBER 2022



07

PROGRAM 'GEMPAK MERDEKA' ZON  
TAMPOI DI 'B5 JOHOR STREET MARKET'  
TARIKH: 29 OGOS 2022



08

GOTONG-ROYONG PANTAI ZON  
STULANG DI PANTAI STULANG LAUT  
TARIKH: 3 SEPTEMBER 2022

3



SAMBUTAN HARI RAYA  
AIDLADHA PERINGKAT MBBJ  
DI DEWAN KENANGA,  
MENARA MBBJ  
TARIKH: 14 JULAI 2022

2



PROGRAM IBADAH  
KORBAN & AQIQAH MBBJ  
DI KOMPLEKS BENGKEL  
MOUNT AUSTIN  
TARIKH: 13 JULAI 2022

1



TINJAUAN EXCO  
PERUMAHAN & KERAJAAN  
TEMPATAN SERTA EXCO BELIA &  
SUKAN DI TMIYC, JOHOR BAHRU  
TARIKH: 11 JULAI 2022

4



AUDIT AKSES DALAM  
PERSEKITARAN  
ALAM BINA 2022 DI JOHOR  
TARIKH: 21 JULAI 2022



# SANA



5



TINJAUAN  
PROJEK-PROJEK JALAN  
BERSAMA EXCO KERJARAYA  
TARIKH: 3 OGOS 2022

6



LAWATAN MENYELUSURI  
SUNGAI TEBRAU, JOHOR BAHRU  
TARIKH: 9 OGOS 2022

7



'FOCUS GROUP  
DISCUSSION' (FGD) DAN  
RANCANGAN KAWASAN KHAS  
(RKK) DI HOTEL TROVE,  
JOHOR BAHRU  
TARIKH: 11 OGOS 2022

14



PEMERIKSAAN KESIHATAN  
ANGGOTA MJBH DI MENARA MJBH  
TARIKH: 14 SEPTEMBER 2022

13



MAJLIS SAMBUTAN  
KEMERDEKAAN PERINGKAT  
NEGERI DI KOTA ISKANDAR  
TARIKH: 31 OGOS 2022

12



MAJLIS SEKALUNG BUDI  
SEJUTA PENGHARGAAN DI  
DEWAN KEMBOJA, MENARA MJBH  
TARIKH: 24 OGOS 2022



# SINI

11



AMANAT DATUK BANDAR  
DAN AKU JANJI ANGGOTA  
BAHARU MJBH DI PANGGUNG  
CEMPAKA, MENARA MJBH  
TARIKH: 23 OGOS 2022

8



SUMBANGAN KEPADA  
MANGSA BENCANA RIBUT DI  
DEWAN JOHOR JAYA  
TARIKH: 16 OGOS 2022

9



FIESTA CAHAYA  
KEMERDEKAAN DI BELETIME  
COUNTRY GARDEN  
TARIKH: 20 OGOS 2022

10



MAJLIS PELANCARAN  
FASA BAHARU JLAND  
DI KOMPLEKS SUKAN MUTIARA  
TARIKH: 22 OGOS 2022

# MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN

Memberikan Perkhidmatan Pelanggan Yang Efisien & Mesra Kepada Pelanggan




## TERIMAAN CUKAI HARTA

di **JOHORPAY**

**MAJLIS BANDARAYA  
JOHOR BAHRU**

**12 SEPTEMBER 2022 | 8.30 PAGI**

Terimaan Bayaran Melalui  
FPX Individu / Korporat, Kad Kredit / Debit  
dan Amex



Muat Turun  
Aplikasi ▶

GET IT ON  
Google Play

Download on the  
App Store

EXPLORE IT ON  
AppGallery

[johorpay.johor.gov.my](http://johorpay.johor.gov.my) | Mudahkan Gaya Hidup Anda



**MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**  
No. 1, Jalan Lingkaran Dalam,  
Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru,  
Johor Darul Ta'zim.

☎ 07 - 219 8000

☎ 07 - 223 0619

☎ 1-300-88-0146

☎ 019-778 8212

☎ [mbjb.spab.gov.my](http://mbjb.spab.gov.my)

☎ [info@mbjb.gov.my](mailto:info@mbjb.gov.my)

